

Jangan terpengaruh golongan hasut ganti wakil rakyat

4 APR 1990

JITRA 3 April — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir mengingatkan rakyat jangan mudah terpengaruh dengan hasutan golongan tertentu supaya menggantikan wakil-wakil rakyat yang mewakili mereka sekarang.

Katanya, golongan itu sengaja menimbulkan masalah dengan menyebarkan fitnah dan berbagai lagi tohmah terhadap wakil-wakil rakyat yang ada sekarang supaya rakyat

akan memilih mereka.

Berucap di majlis berbuka puasa di masjid Kampung Putat, 10 kilometer dari sini, Dato' Sri Dr. Mahathir mengecam golongan ini kerana sikap itu jelas menunjukkan mereka tidak bersyukur di atas nikmat yang dikecapi selama ini.

Katanya, mereka cuba mengheret rakyat yang sudah banyak menikmati faedah pembangunan yang dibawa oleh kerajaan supaya mengikut kemahuan dan kepen-

tingan mereka.

"Di tempat yang tak ada masalah mereka timbulkan masalah. Dulu mereka kata orang kafir kerana berpakat dengan bukan Melayu tetapi sekarang mereka buat kerja yang sama," tegasnya.

Ini menunjukkan bahawa perjuangan golongan ini bukanlah kerana Islam tetapi mempunyai muslihat tertentu, kata Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata sebagai

orang-orang yang mempunyai pengetahuan di bidang agama Islam sepatutnya mereka membantu dan mendidik masyarakat supaya lebih bersyukur dan berterima kasih dengan pembangunan yang dinikmati sekarang.

Sebaliknya mereka menghasut rakyat supaya membuang orang-orang yang selama ini telah berusaha membawa pembangunan ke seluruh kampung dan ceruk rantau negara ini.

"Hanya orang-orang angkuh sahaja yang tidak tahu bersyukur atau berterima kasih apabila telah mengecapi nikmat yang dikurniakan oleh Tuhan," tegasnya.

Sehubungan itu Perdana Menteri menyuruh rakyat khususnya umat Islam di negara ini supaya ikhlas dalam melakukan ibadat sama ada ibadat sembahyang, puasa atau haji kerana Tuhan akan memberi ganjaran kepada mereka baik di dunia mahupun di akhirat.

Kira-kira 1,000 orang hadir di majlis tersebut yang dihiasi dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan nasyid. Turut hadir ialah Menteri Besar Kedah, Dato' Sri Osman Aroff dan anggota Exco.